


Kosmo
13/12/2015
mls 14

Koleksi berharga Negara Tembok Besar



BEKAS mengisi arak yang popular dalam kalangan bangsawan.



Pameran porselin biru dan putih akhir Dinasti Yuan dan awal Dinasti Ming bukti persahabatan China dengan negara-negara Islam



Oleh MOHAMMAD SHAHEMY AZMI




WARNA biru yang digunakan sebagai dakwat untuk melukis motif pada porselin diperoleh dari negara Timur Tengah khususnya di Iran.

mempunyai sejarah tertua di dunia yang kaya dengan nilai tamadun sehingga membawa kepada perkembangan dunia pada hari ini.

Di Malaysia sendiri,

REKAAN dan motif seni lukisan tangan yang dihasilkan begitu halus dan teliti sehingga berjaya menarik perhatian pengunjung untuk melihat dengan mata mereka sendiri artifak berharga yang



dibawa khas dari negara yang terkenal dengan julokan Negara Tembok Besar itu.

Rata-rata pengunjung termasuk kru *Jurnal* sendiri begitu kagum melihat seni reka dan hasil kerja tangan yang dihasilkan oleh masyarakat di negara China itu meskipun telah melalui peralihan waktu selama ratusan tahun sejak abad ke-14.

Lebih mengagumkan, produk yang dihasilkan berasaskan porselin itu dibuat tanpa menggunakan kaedah moden seperti hari ini, namun masih mampu bertahan dan kekal seperti asal sekali gus membuktikan ketamadunan China sejak sekian lama.

Bertempat di Muzium Negara, Kuala Lumpur, warga tempatan termasuk para pelancong kini berpeluang untuk melihat secara dekat koleksi porselin antik pada pameran Porselin Biru dan Putih pada akhir Dinasti Yuan (Maharaja Zhi Zheng) dan awal Dinasti Ming (Maharaja Hong Wu) sekitar akhir abad ke-13 dan awal ke-14.

Seperti yang diketahui, China merupakan sebuah negara yang



YENG MENG

Di Malaysia sendiri, hubungan antara rakyat di kedua-dua buah negara telah mewujudkan persahabatan yang erat dan menyaksikan banyak tinggalan sejarah termasuk keindahan porselin biru dan putih sebagai bukti perdagangan China ke Tanah Melayu.

Menurut Kurator Muzium Negara, Kiew Yeng Meng, pameran tersebut merupakan kerjasama antara Jabatan

BEKAS bertutup dengan lukisan berseni puisi dan figura manusia semasa zaman pemerintahan Chenghua sekitar tahun 1465 sehingga 1487.

Muzium Malaysia bersama China Association Cultural Information (CACTI), China Culture Relic Protection Foundation dan Jinchengtang Museum, China.

Koleksi Maharaja

Apa yang membanggakan, Malaysia dipilih menjadi lokasi pertama di dunia semasa siri

LUKISAN tangan yang dilakar pada permukaan porselin membuatkan ia sebagai suatu produk yang berkualiti dan mempunyai nilai tersendiri.

jelajah pameran itu yang bermula pada 22 November lalu dan akan berakhir pada 26 Disember 2015.

Sebanyak 120 buah koleksi porselin yang terdiri daripada pasu, mangkuk, pinggan, cawan dan perhiasan dipamerkan dalam pameran tersebut, termasuk enam koleksi porselin yang dianggap paling berharga kerana tidak pernah dipamerkan di mana-mana muzium di seluruh dunia.

“Sejarah ada mencatatkan pelayaran Laksamana Zheng He (Cheng Ho) semasa zaman Dinasti Ming ke Melaka dengan membawa berjuta-juta koleksi porselin untuk tujuan perdagangan selain dijadikan hadiah kepada para pembesar,” ujarnya yang telah berkhidmat selama 10 tahun bersama Muzium Negara.

Koleksi yang dipamerkan kebanyakannya adalah milik raja dan pembesar yang dibuat khas dalam pelbagai bentuk dan corak sempena menjaga hubungan baik antara negara China dengan negara luar pada zaman Dinasti Yuan dan Ming.



PAMERAN Porselin Biru dan Putih pada akhir Dinasti Yuan (Maharaja Zhi Zheng) dan awal Dinasti Ming (Maharaja Hong Wu) berlangsung di Muzium Negara, Kuala Lumpur.

Kosmo
13/12/2015
mls 15

Maka tidak hairanlah apabila porselin memainkan peranan penting dalam sejarah China sehinggakan negara itu dikenali sebagai negara porselin.

Bercakap tentang warna porselin yang kebanyakannya dihasilkan dengan gabungan warna biru dan putih, Yeng Meng memberitahu bahawa gabungan dua warna tersebut merupakan lambang persahabatan antara China dengan negara-negara lain.

"Maharaja Yuan misalnya banyak menjalin hubungan persahabatan dengan ramai pemerintah dari negara-negara Islam dan menjadikan porselin bertemakan warna biru dan putih sebagai hadiah persahabatan," jelasnya lebih lanjut kepada kru *Jurnal*.

Menurut Shen Ying yang merupakan wakil dari pihak Muzium

Jing Cheng Tang, Hong Kong yang bertanggungjawab mengelola pameran porselin biru dan putih itu, kebanyakan koleksi artifak porselin yang dipamerkan direka dengan motif unsur flora dan geometri.

Katanya lagi, sewaktu zaman pemerintahan Dinasti Yuan, pembuatan porselin lebih tertumpu kepada tujuan komersial untuk didagangkan ke negara-negara

bercorak beralun yang merupakan cawan yang digunakan oleh Maharaja Xuande semasa zaman kerajaan Dinasti Ming (1426-1435).

"Barangan porselin pada ketika itu tidak hanya digunakan oleh Maharaja atau golongan bangsawan sahaja tetapi juga digunakan oleh rakyat biasa," tutur Shen Ying sambil dibantu Yeng Meng sebagai penterjemah.

Lambang persahabatan

Katanya lagi, penggunaan barangan porselin oleh rakyat biasa bukan suatu kesalahan, namun rakyat tidak dibenarkan untuk menggunakan porselin yang mempunyai corak naga kerana ia melambangkan status

dan hanya boleh dimiliki oleh kerabat di raja sahaja.

Bahkan, porselin yang mempunyai motif lukisan naga tidak dijual kepada rakyat biasa, sebaliknya dibuat khas di suatu tempat dan dibawa masuk terus ke dalam istana.

Porselin biru dan putih pada akhir Dinasti Yuan dan Ming adalah saksi penting kepada persahabatan Malaysia dan China dalam perkembangan politik dan ekonomi yang baik seiring dengan konsep yang dikemukakan oleh Presiden China, Xi Jinping iaitu 'Satu Jajaran, Satu Laluan.'

Setelah mengalami peralihan dan perjalanan waktu selama beratus-ratus tahun, perkembangan porselin kini



EKSTRA

- Jalan yang menjadi laluan utama perdagangan porselin ke luar negara dikenali sebagai 'laluan seramik'.
- Laluan seramik maritim bermula dari Jingdezhen ke Guangzhao, China merentasi Kepulauan Melayu sehingga ke Teluk Parsi. Jarak keseluruhannya sekitar 10,000 kilometer.
- Porselin biru dan putih yang dihasilkan pada Dinasti Yuan memiliki seni pembuatan yang paling istimewa dalam sejarah porselin China.
- Bandar Jingdezhen menjadi tempat penghasilan porselin biru dan putih yang utama semasa pemerintahan Dinasti Yuan sekali gus diiktiraf sebagai 'bandar porselin'.
- Corak biru yang dihasilkan pada atas permukaan porselin menggunakan bahan kobalt berwarna biru yang diperolehi dari negara Timur Tengah seperti Iran.
- Proses pembakaran porselin melalui masa yang lama sehingga 12 jam pada suhu melebihi 1,000 darjah Celsius.
- Porselin biru dan putih dipercayai pertama kali wujud pada abad ke-9 di wilayah Henan, China.
- Industri porselin mula menembusi pasaran Eropah pada abad ke-17 dan ditambah dengan perincian pelekap emas dan perak mengikut cita rasa golongan bangsawan Eropah.
- Pembuatan porselin Eropah bermula di Meissen, Jerman pada tahun 1707



Setelah mengalami peralihan dan perjalanan waktu selama beratus-ratus tahun, perkembangan porselin kini

Setelah mengalami peralihan dan perjalanan waktu selama beratus-ratus tahun, perkembangan porselin kini



SHEN YING

Islam terutama di Timur Tengah. Antara porselin yang paling mencuri perhatian yang juga salah satu daripada enam koleksi paling berharga ialah sebuah cawan dengan motif seekor naga dan

CAWAN kukuh biru dan putih dengan motif beralun serta naga yang pernah digunakan oleh Maharaja sewaktu dinasti Ming sekitar tahun 1426 hingga 1435.



perkembangan porselin kini melalui fasa baharu apabila turut dipelopori oleh warga tempatan yang menjadikan ia sebagai produk dalam perniagaan mereka.

Jerman pada tahun 1707 selepas dibongkar oleh seorang pengintip, Francois Xavier antara tahun 1712 dan 1722.

Foto ZAKARIA IDRIS

Laluan seramik penghubung China ke Tanah Melayu



LALUAN perdagangan yang digunakan oleh pedagang China digelar 'laluan seramik' berikutan mereka melakukan urusan perdagangan dengan membawa berjuta-juta buah porselin untuk didagangkan.

MENURUT sejarah China, banyak negara yang muncul di Tanah Melayu pada abad pertama hingga abad ke-7, termasuklah Langkasuka, Chih tu dan Gangga Negara. Selepas Dinasti Han, perdagangan telah meningkat sekali gus merapatkan hubungan dua hala antara China dengan negara-negara di Asia Tenggara.

Sejak zaman pemerintahan Dinasti Yuan iaitu Kublai Khan, dinasti tersebut telah membawa pembangunan perdagangan di luar negara yang sangat penting pada waktu itu termasuk menghantar utusan ke Asia Tenggara untuk membina perhubungan perdagangan.

Barang-barang yang paling utama ditukar dengan negara-negara luar termasuklah porselin biru dan putih.

Semasa Dinasti Ming, Kesultanan

Melayu Melaka turut mengutamakan hubungan perdagangan dengan China melalui perantara terkenal yang dihantar oleh China iaitu Zhang He (Cheng Ho) termasuk utusan-utusan lain ke Melaka melebihi sembilan kali.

Zheng He yang telah membuat sebanyak tujuh kali pelayaran (1405 sehingga 1433) melalui Laut China Selatan bukan sahaja merupakan seorang tokoh sejarah tetapi simbol kebudayaan kepada negara-negara di Asia Tenggara.

Porselin biru dan putih adalah antara pelbagai jenis tembikar yang paling terkenal dibawa oleh Zheng He untuk diniagakan di Asia Tenggara termasuk di Melaka, sehinggakan laluan pelayaran para pedagang China pada ketika itu digelar sebagai 'laluan seramik'.